



SIARAN AKHBAR
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**Atas kesalahan memaparkan tanda harga yang mengelirukan
di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, tiga premis perniagaan dikenakan
tindakan kompaun dan notis amaran**

Tarikh: 5 Oktober 2022

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan satu kompaun dan dua notis amaran kepada tiga buah premis perniagaan kerana tidak mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
2. JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah melaksanakan penguatkuasaan rutin harian dan mendapati sebuah premis perniagaan telah memaparkan tanda harga yang mengelirukan iaitu paparan tanda harga tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem pembayaran. Syarikat Soon Lee Mega Mart telah dikeluarkan kompaun sebanyak \$500.00 atas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 berkenaan.
3. Seterusnya, dua notis amaran telah dikeluarkan pada hujung bulan September 2022 kepada dua buah premis perniagaan atas kesalahan memaparkan tanda harga yang mengelirukan.
4. Selain daripada penguatkuasaan rutin harian yang dilaksanakan, JPES juga menerima maklumat dalam bentuk aduan daripada pengguna melalui saluran rasmi yang telah disediakan dan mudah diakses seperti aplikasi mudah alih PenggunaBijak; *hotline* Talian Darussalam 123; dan e-mel

aduanpengguna@jpes.gov.bn. Setakat September 2022, JPES telah menerima sebanyak 62% aduan daripada *hotline* Talian Darussalam 123; 11% daripada aplikasi mudah alih PenggunaBijak; dan selebihnya diterima melalui e-mel dan kaedah lain. Aplikasi mudah alih PenggunaBijak boleh dimuat turun melalui platform App Store dan Google Play.

5. JPES menggalakkan para pengguna untuk mengoptimalkan penggunaan saluran rasmi bagi melaporkan sebarang aduan berkaitan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142. Aduan hendaklah dilaporkan secara bertanggungjawab dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti.
6. Dalam pada itu, orang ramai selaku pengguna juga mempunyai peranan untuk mengamalkan konsep PenggunaBijak dengan membuat perbandingan harga melalui fungsi yang telah disediakan di dalam aplikasi mudah alih PenggunaBijak, bagi mendapatkan nilai pembelian yang terbaik.
7. Dalam kesempatan ini, para peniaga adalah diminta untuk sentiasa peka dan patuh terhadap perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 yang telah ditetapkan. Pematuhan peniaga terhadap perundangan ini memainkan peranan yang penting dalam membantu mewujudkan amalan perniagaan yang wajar dan beretika.

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi